



**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)  
HOSTEL CENTENNIAL, KAMPUNG ACHEH, SITIAWAN, PERAK (DAERAH MANJUNG)  
KEMASKINI : 24 FEBRUARI 2021**

**Waktu Berkuat kuasa**

24 Jam

**Waktu Aktiviti Dibenarkan**

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

**Pergerakan Penduduk**

Dibenarkan dengan bersyarat

**Aktiviti dibenarkan**

- Mendapatkan bekalan makanan
- Mendapatkan rawatan kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**Tindakan**

**Penerangan Ringkas**

Kawasan yang terlibat

Hostel Centennial, Kampung Aceh, Sitiawan Perak (Daerah Manjung).

Tempoh Kuat kuasa

25 Februari 2021 (12.01 pagi) sehingga 10 Mac 2021 (11.59 malam).

Kawalan Pergerakan

- PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT.
- Laluan keluar masuk kawasan PKPD **DITUTUP dan DIKAWAL** kemasukan oleh PDRM.
- Semua staf/penghuni hostel di dalam kawasan PKPD **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari asrama/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan *case to case basis*.
- Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian hostel seperti bekalan bahan mentah, bekalan makanan bermasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain boleh dibenarkan dengan pertimbangan PDRM dan KKM.
- Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, **DIBENARKAN** setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.
- Perkhidmatan penghantaran (*food panda & grab*) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD.

Saluran Makanan dan keperluan

- Pemberian bantuan bekalan makanan akan diselaraskan secara bersama oleh Pengurusan Hostel dan pihak majikan/Kilang yang terlibat dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Manjung.
- Sumbangan keperluan makanan dari NGO dan lain- lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Manjung.

Aktiviti Dalam Kawasan PKPD

- Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau dan rumah ibadat bukan Islam, rekreasi dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Saringan secara bersasar kepada staf dan penghuni hostel di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.
- Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

**Arahan Tetap**

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan